



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**PROGRAM PERUBATAN/ BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN/ MAJLIS OPTIK**  
**MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN**  
**PERMOHONAN KEBENARAN MEMPRESKRIPSI & MENDISPENS KANTA**  
**LEKAP DI BAWAH SEKSYEN 30(4) AKTA OPTIK 1991**

## **1. NAMA INSTRUMEN PERATURAN**

Garis Panduan Permohonan Kebenaran Mempreskripsi & Mendispens Kanta Lepak Di Bawah Seksyen 30(4) Akta Optik 1991

## **2. NAMA AGENSI PENGAWAL SELIA INSTRUMEN PERATURAN**

Majlis Optik Malaysia (MOC)

## **3. PUNCA KUASA**

- i. Akta Optik 1991
- ii. Peraturan-Peraturan Optik 1994

## **4. OBJEKTIF PERLESENAN**

- i. Untuk memberi kebenaran kepada juruoptik berdaftar yang layak bagi mempreskripsi dan menjual kanta lekap kepada pelanggan.
- ii. Untuk menjamin pengamalan kanta lekap yang selamat, berkualiti dan profesional.

## **5. KETERANGAN**

Kebenaran Mempreskripsi & Mendispens Kanta Lepak atau lebih dikenali dengan nama Sijil Kanta Lepak diberikan kepada juruoptik berdaftar yang telah lulus peperiksaan kanta lekap teori dan amali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 30(4) dan seksyen 30(5) Akta Optik 1991.

Untuk mendapatkan sijil ini, juruoptik berdaftar perlu menduduki Peperiksaan Teori Kanta Lepak dan Peperiksaan Amali Kanta Lepak serta lulus kedua-duanya.

Hanya juruoptik berdaftar yang mempunyai sijil ini boleh mempreskripsi dan menjual kanta lekap kepada pelanggan di premis optikal masing-masing.

Juruoptik berdaftar yang tidak mempunyai sijil ini tetapi menjalankan amalan kanta lekap akan dikenakan sabit kesalahan di bawah seksyen 37 Akta Optik 1991.

## **6. SASARAN PENGGUNA**

Garis panduan ini disasarkan kepada juruoptik berdaftar di Malaysia.

## **7. PERATURAN AM**

- i. Calon mestilah seorang Juruoptik Berdaftar dan telah menghadiri kursus kanta lekap yang dikendalikan oleh mana-mana institusi pengajian atau persatuan yang diiktiraf oleh MOC. – seksyen 30(4), Akta Optik 1991, Mesyuarat MOC ke-39 Bil.2/2005.
- ii. Peperiksaan teori dan amali akan dijalankan tidak lebih 3 kali dalam setahun. Calon mestilah lulus dalam peperiksaan teori sebelum mendaftar untuk peperiksaan amali. - subperaturan 27(3), Pindaan 2016 Peraturan-Peraturan Optik 1994.
- iii. MOC akan menetapkan tarikh dan tempat peperiksaan dan boleh membatalkan atau menangguhkan tarikhnya jika perlu. - subperaturan 26(3), Pindaan 2016 Peraturan-Peraturan Optik 1994.
- iv. Peperiksaan akan dijalankan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa inggeris. - subperaturan 25(3), Pindaan 2007 Peraturan-Peraturan Optik 1994.

- v. Setiap calon boleh menduduki peperiksaan teori dan amali sebanyak maksima 4 kali sahaja. - subperaturan 26(4), Pindaan 2007 Peraturan-Peraturan Optik 1994.
- vi. Jika calon menarik diri dari peperiksaan atau tidak menghadiri peperiksaan, fi tidak akan dikembalikan melainkan jika penarikan diri atau ketidakhadirannya disebabkan alasan kesihatan. Calon hendaklah memberikan sebab dan mengemukakan surat akuan kesihatan dari pegawai perubatan berdaftar sebagai bukti - subperaturan 26(4) Peraturan-Peraturan Optik 1994.

## **8. BILA PERLU DIPOHON**

Permohonan boleh dibuat mengikut tarikh dan tempoh permohonan yang ditetapkan melalui sistem MHPS. Makluman tarikh peperiksaan dan maklumat berkenaannya disiarkan dalam laman sesawang Majlis Optik Malaysia atau *Facebook* rasmi Majlis Optik Malaysia atau apa-apa media termasuk media sosial yang difikirkan patut oleh Majlis dalam tempoh 6 minggu sebelum hari pertama peperiksaan. - subperaturan 26(2), Pindaan 2021 Peraturan-Peraturan Optik 1994.

## **9. KAEDAH PERMOHONAN (DALAM TALIAN)**

Kaedah permohonan menduduki peperiksaan kanta lekap adalah secara dalam talian melalui sistem Malaysian Healthcare Practitioners' System (MHPS) beserta fi yang ditetapkan dalam subperaturan 27(1) dan subperaturan 27(2), Peraturan-Peraturan Optik 1994.

Pemohon perlu memuat naik salinan sijil Kursus Kanta Lepak yang diiktiraf dan perlu disahkan oleh peguambela/peguamcara (berserta cop rasmi) atau Pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P) dalam perkhidmatan awam.

Sila rujuk Panduan Pengguna: Permohonan Kebenaran Mempreskripsi & Mendispens Kanta Lepak Di Bawah Seksyen 30(4) Akta Optik 1991 melalui laman sesawang Majlis Optik Malaysia (MOC) yang mengandungi:

- i. Tatacara Permohonan Menduduki Peperiksaan Kanta Lepak Bagi Juruoptik Berdaftar Secara Dalam Talian
- ii. Tatacara Permohonan Sijil Kebenaran Mempreskripsi dan Mendispens Kanta Lepak Secara Dalam Talian

## **10. PIAGAM PELANGGAN**

Sijil Kebenaran Mempreskripsi dan Mendispens Kanta Lepak akan dihantar kepada pemohon melalui perkhidmatan pos/kurier dalam tempoh 14 hari bekerja.

## **11. SYARAT-SYARAT SEBELUM/SELEPAS PERMOHONAN**

Juruoptik berdaftar perlu menghadiri dan tamat kursus kanta lekap yang dikendalikan oleh mana- mana institusi pengajian atau persatuan yang diiktiraf oleh MOC sebelum memohon untuk menduduki peperiksaan teori.

Tempoh sah laku sijil kursus kanta lekap yang diterima oleh juruoptik berdaftar dihadkan kepada lima (5) tahun sahaja (hanya terpakai bagi juruoptik berdaftar yang memiliki sijil kursus kanta lekap bermula tahun 2024).Juruoptik berdaftar yang telah berjaya menduduki kursus kanta lekap perlulah membuat permohonan untuk menduduki peperiksaan kanta lekap dalam tempoh lima (5) tahun daripada tarikh sijil

kursus kanta lekak yang diterima. - Mesyuarat MOC ke-84 Bil.1/2024.

Hanya juruoptik berdaftar yang telah lulus peperiksaan teori, boleh memohon untuk menduduki peperiksaan amali.


## **12. LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN**

12.1 Langkah-langkah untuk mendapatkan Sijil Kanta Lekak adalah seperti berikut:

1. Hadiri kursus kanta lekak yang dianjurkan oleh institusi pengajian atau persatuan yang diiktiraf oleh MOC.
2. Dapatkan maklumat berkenaan peperiksaan (tempoh permohonan, tarikh dan tempat peperiksaan) di saluran rasmi MOC (laman sesawang atau *Facebook* rasmi MOC).
3. Rujuk Tatacara Permohonan Menduduki Peperiksaan Kanta Lekak Bagi Juruoptik Berdaftar Secara Dalam Talian.
4. Calon yang berminat perlu memuat naik salinan sijil Kursus Kanta Lekak yang telah diiktiraf dan disahkan oleh peguambela/peguamcara (berserta cop rasmi) atau Pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P) dalam perkhidmatan awam sebelum membuat permohonan melalui sistem Malaysian Healthcare Practitioners' System (MHPS).
5. Permohonan boleh dibuat mengikut tarikh dan tempoh permohonan yang ditetapkan melalui sistem MHPS. Makluman tarikh peperiksaan dan maklumat berkenaannya disiarkan dalam laman sesawang Majlis Optik Malaysia atau *Facebook* rasmi Majlis Optik Malaysia atau apa-apa media termasuk media sosial yang difikirkan patut oleh Majlis dalam tempoh 6 minggu sebelum hari pertama peperiksaan.
6. Keputusan permohonan menduduki peperiksaan akan dimaklumkan melalui emel. Calon yang layak perlu membuat pembayaran fi peperiksaan kanta lekak dalam tempoh masa 48 jam selepas penerimaan emel. Pembayaran fi peperiksaan kanta lekak perlu dibuat melalui sistem MHPS mengikut tatacara yang ditetapkan.
7. Bagi pembayaran fi peperiksaan yang berjaya, calon akan menerima pengesahan pembayaran melalui emel. Calon boleh menyemak status pembayaran melalui sistem MHPS.
8. Calon yang layak perlu memuat turun dan mencetak slip peperiksaan, slip sesi taklimat (bagi peperiksaan amali) dan lampiran-lampiran berkaitan untuk rujukan calon bagi membolehkan calon menduduki peperiksaan.
9. Keputusan peperiksaan yang disahkan oleh Jawatankuasa Penilaian (JKP) akan dimaklumkan melalui e-mel dalam tempoh 14 hari bekerja selepas keputusan dikeluarkan oleh pengendali peperiksaan. Calon boleh menyemak status keputusan peperiksaan melalui sistem MHPS.
10. Calon perlu lulus peperiksaan teori terlebih dahulu sebelum memohon untuk menduduki peperiksaan amali.
11. Calon yang berjaya (lulus peperiksaan teori dan amali) perlu membuat permohonan sijil Kebenaran Mempreskripsi dan Mendispens Kanta Lekak melalui sistem MHPS. Rujuk Tatacara Permohonan Sijil Kebenaran Mempreskripsi dan Mendispens Kanta Lekak Secara Dalam Talian.
12. Sijil Kebenaran Mempreskripsi dan Mendispens Kanta Lekak akan dihantar kepada pemohon melalui perkhidmatan pos/kurier dalam tempoh 14 hari bekerja

selepas pengesahan Jawatankuasa Penilaian.

## 12.2 Carta Alir



### 13. SENARAI KEPERLUAN MAKLUMAT YANG PERLU DIKEMUKAKAN

BIL	NAMA MAKLUMAT/DOKUMEN
1.	Salinan Sijil Kursus Kanta Lepak yang telah diiktiraf dan disahkan

### 14. SENARAI PEMBAYARAN

BIL	ITEM	FI PEPERIKSAAN	KAEDAH PEMBAYARAN
1.	Bayaran Peperiksaan Teori	Mengikut ketetapan subperaturan 27(1), Peraturan-Peraturan Optik 1994	Secara dalam talian
2.	Bayaran Peperiksaan Amali	Mengikut ketetapan subperaturan 27(2), Peraturan-Peraturan Optik 1994	Secara dalam talian

### 15. KEPUTUSAN / OUTPUT YANG DIKELUARKAN KEPADA PEMOHON

<b>Output</b>	Sijil Kebenaran Mempreskripsi dan Mendispens Kanta Lepak (Sijil Kanta Lepak)
<b>Kaedah Penyampaian Keputusan Kepada Pemohon</b>	E-mel/Perkhidmatan Pos/Kurier

### 16. RUJUKAN YANG BERKAITAN

1. Akta Optik 1991
2. Peraturan-Peraturan Optik 1994
3. Garis Panduan Permohonan Kebenaran Mempreskripsi & Mendispens Kanta Lepak Di Bawah Seksyen 30(4) Akta Optik 1991 Tahun 2023

## 17. DISEDIAKAN OLEH

### CONJOINT CONTACT LENS COMMITTEE 2023-2026

1. Prof. Dr. Mohd Zaki Bin Awg Isa Pengarah  
Centre of Excellence, MSU Eye Centre
2. Dr. Siti Nor Roha Binti Daman Huri Pakar Oftalmologi  
Jabatan Oftalmologi, Hospital Sg. Buloh
3. Dr. Bashirah Binti Ishak Pensyarah  
Program Optometri & Sains Penglihatan, UKM
4. Dr. Muhammad Afzam Shah Bin Abdul Rahim Pensyarah  
Jabatan Optometri & Sains Visual, UIAM
5. Dr. Noor Haziq Bin Saliman Pensyarah Kanan  
Pusat Pengajian Optometri, UiTM
6. Pn. Fairuz Binti Mohd Nordin Pensyarah  
Jabatan Optometri & Sains Visual, MSU
7. Pn. Fadilah Binti Ab Hamid Pensyarah  
Fakulti Optometri & Sains Penglihatan,  
Universiti SEGi
8. Pn. Prema AP Muthiah Pensyarah  
UCSI School of Optometry
9. Pn. Safira Binti Zainal Pegawai Optometri  
Hospital Kuala Lumpur